



Peserta Ladang Rakyat pendokong aspirasi MBI

Kelantan-UNHAS perkukuh hubungan pendidikan, pelancongan

Pelajar tahfiz cipta 'Sky Hanger' atasi masalah jemuran pada musim hujan

Masyarakat India disantuni sempena Deepavali

MB Kelantan ucap tahniah kepada sukarelawan Global Sumud Flotilla

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 23 Oktober 2025 – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menzahirkan tahniah dan penghargaan kepada seluruh peserta Global Sumud Flotilla yang memberi inspirasi perjuangan kepada umat Islam untuk tetap teguh dalam usaha memecahkan kepungan dan kesunyian terhadap genosid yang berlaku di Gaza.

"Saya ucapkan tahniah dan penghargaan kepada seluruh peserta Global Sumud Flotilla yang memberikan inspirasi perjuangan kepada kita semua untuk tetap sumud dan tidak berganjak berusaha memecahkan kepungan dan kesunyian terhadap genosid yang berlaku di Gaza," katanya ketika merasmikan Konsert Amal Sumud Palestin, sempena Sambutan 35 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI 2025) di Daratan Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV semalam.

Beliau menekankan bahawa keberanian dan pengorbanan para peserta misi kemanusiaan tersebut menjadi sumber kekuatan dan semangat perjuangan kepada umat Islam di seluruh dunia untuk terus membela Palestin.



"Mereka membuktikan bahawa perjuangan untuk membebaskan bumi Palestin bukan sekadar slogan, tetapi suatu tanggungjawab bersama ummah. Setiap langkah, doa dan sumbangan yang dihulurkan adalah sebahagian daripada jihad menentang kezaliman Zionis," jelasnya.

Konsert amal yang dihadiri ribuan rakyat daripada pelbagai lapisan usia itu juga menampilkan perkongsian pengalaman oleh tiga orang wira Sumud Flotilla iaitu Musa Nuwayri, Ilyia Balqis dan Zulfadhli Khiruddin selain persembahan artis tempatan seperti Poyie Gasi, Den Manjo, Hazwan Rah-

man dan Geng 3 Beradik.

Menteri Besar Kelantan turut menegaskan bahawa tanah Palestin adalah milik umat Islam, dan menjadi tanggungjawab seluruh umat untuk bangkit mempertahankan kesuciannya.

"Ingat! Tanah Palestin milik umat Islam. Umat Islam mesti kembali bersatu dan menjadi umat yang kuat serta digeruni musuh. Apa yang berlaku kepada Palestin dan juga sikap negara-negara umat Islam hendaklah dijadikan iktibar agar ummah terus bangkit sehingga tanah suci itu dibebaskan daripada cengkaman penjajah laknatullah," tambahnya.



Saya ucapkan tahniah dan penghargaan kepada seluruh peserta Global Sumud Flotilla yang memberikan inspirasi perjuangan kepada kita semua untuk tetap sumud dan tidak berganjak berusaha memecahkan kepungan dan kesunyian terhadap genosid yang berlaku di Gaza,"

Beliau juga menyebut mengenai sifat khianat rejim Zionis yang sering melanggar perjanjian dan gencatan senjata.

"Meskipun gencatan senjata baru sahaja diisytiharkan oleh puak mereka, mereka juga yang melanggarinya. Ini merupakan sebahagian akhlak buruk yang Allah rakamkan di dalam al-Quran agar tidak menjadi ikutan kepada umat akhir zaman," tambahnya.

Beliau menyeru seluruh rakyat Kelantan agar terus menunjukkan solidariti dengan cara menghulurkan sumbangan jihad harta dan doa yang tidak putus-putus kepada rakyat.



Peserta Ladang Rakyat pendokong aspirasi MBI

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Oktober – Peserta Ladang Rakyat adalah pendokong aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, peserta Ladang Rakyat berperanan penting sebagai pendokong dasar kerajaan negeri yang dizahirkan melalui penglibatan aktif dalam setiap program yang dianjurkan.

“Sokongan penuh yang diberikan oleh peserta kepada program-program kerajaan amat dihargai. Saya menyeru agar segala maklumat mengenai dasar dan inisiatif kerajaan negeri disampaikan



secara meluas kepada masyarakat,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Terdahulu, beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Demit meluangkan masa untuk bertemu para peserta Ladang Rakyat dalam satu majlis ramah mesra dan penyampaian agihan dividen bagi tempoh tiga

bulan.

Majlis turut diisi dengan Kuliah Khas yang disampaikan oleh Pengelola Halaqat Kawasan Kubang Kerian merangkap Ketua Dewan Ulama Kawasan Kubang Kerian Ustaz Wan Abdullah Wan Ali.

Untuk rekod, program Ladang Rakyat dilaksana bermula tahun



2006. Sehingga Ogos 2024 sebanyak RM180 juta dividen Ladang Rakyat diagih kepada peserta yang peserta yang layak.

Setiap peserta akan menerima dividen bulanan sebanyak RM200. Program Khairat Kematian turut dilaksanakan bagi peserta yang telah meninggal dunia.

Kelantan-UNHAS perkukuh hubungan pendidikan, pelancongan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Oktober – Dalam usaha memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang pendidikan dan pelancongan, Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan kunjungan rasmi ke Universiti Hasanuddin (UNHAS), Makassar.

Delegasi kerajaan negeri diketuai oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz

Dato’ Mohd Nassuruddin Daud ke pusat pengajian tinggi terkemuka di Indonesia dengan diiringi Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat d Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md serta wakil dari Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Menteri Besar berkata, kunjungan tersebut bertujuan meneroka

peluang kerjasama strategik antara kedua-dua wilayah termasuk potensi kemasukan pelajar dari Kelantan ke Fakulti Antarabangsa UNHAS dalam bidang-bidang berimpak tinggi dan bernilai pasaran global.

“Turut dibincangkan dalam kunjungan hormat ini adalah inisiatif pertukaran pelajar, perkongsian kepakaran akademik, serta kerjasama penyelidikan antara institusi pendidikan di Kelantan dan

UNHAS,” katanya menerusi media sosial pada Jumaat.

Selain aspek pendidikan, delegasi turut membincangkan peluang kerjasama dalam bidang pelancongan dan pertukaran budaya antara Makassar dan Kelantan.

“Usaha ini dilihat sebagai langkah memperkukuh jaringan serantau serta menggalakkan hubungan rakyat dengan rakyat antara dua wilayah bersejarah ini,” ujarinya.

Delegasi Kerajaan Negeri turut menekankan bahawa inisiatif berkenaan sejajar dengan dasar pentadbiran Negeri Kelantan berteraskan “Penghayatan Membangun Bersama Islam” yang memfokus pembangunan berasaskan ilmu, kesejahteraan rakyat serta pengukuhan nilai budaya dan warisan.

Kunjungan rasmi itu juga dijangka membuka lebih banyak ruang kerjasama dan jaringan strategik antara Kelantan dan Makassar khususnya dalam memperkasa sektor pendidikan dan pelancongan.

Sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengangkat martabat ilmu dan memperkasa sektor pendidikan untuk generasi masa depan serta sektor pelancongan negeri ini.

Kelantan salur RM25,000 perkasakan penggunaan teknologi moden kepada nelayan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Oktober – Sebanyak RM25,000 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi memperkasakan penggunaan teknologi moden dalam kalangan nelayan, khususnya ahli Persatuan Nelayan Kawasan Kota Bharu.

Exco Pertanian, Industri Agro-

makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan kecekapan serta keselamatan nelayan melalui penggunaan teknologi moden.

“Daripada jumlah RM25,000 tersebut, bantuan telah diberikan kepada 15 nelayan yang melibatkan



agihan dua unit pukat, lapar unit GPS dan lima unit Echo Sounder,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Sabtu.

Beliau menjelaskan, penggunaan Echo Sounder adalah penting bagi membolehkan nelayan mengesan lokasi ikan, menganggar kedalaman air, mengelakkan kemalangan di laut serta dapat meningkatkan hasil tangkapan.

Tambahnya, kerajaan negeri melalui portfolio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi akan terus komited dalam memastikan sektor perikanan negeri terus berkembang pesat dan menjadi salah satu tulang belakang ekonomi pesisir negeri Kelantan.

Terdahulu, Dato’ Tuan Mohd Saripudin bersama komuniti nelayan Kota Bharu berhimpun di Dewan Serbaguna Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LIKIM) Negeri Kelantan Kuala Besar, bagi membincangkan isu dan keperluan semasa golongan tersebut.

Program itu turut menjadi platform perbincangan secara langsung antara pihak kerajaan dan komuniti nelayan bagi memastikan setiap bantuan yang disalurkan menepati keperluan sebenar di lapangan.

Zapin Johor hangatkan pentas Karnival Cakna Rakyat Pengkalan Kubor 2025

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 19 Oktober 2025 – Persembahan Tarian Zapin Johor oleh rombongan Majlis Daerah Pontian mencuri tumpuan pengunjung apabila berjaya menghangatkan pentas Karnival Cakna Rakyat DUN Pengkalan Kubor 2025 yang berlangsung meriah di Padang SMU(A) Nurul Huda SABK, Kajang Sebidang, semalam.

Menampilkan gerak tari yang anggun dan berirama rancak, rombongan dari Johor itu mempamerkan keindahan seni warisan Melayu, menjadikan satu kelainan bagi warga Pengkalan Kubor dengan elemen budaya Johor yang jarang ditampilkan di sini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat menyifatkan kehadiran rombongan tersebut sebagai simbol silang budaya antara Johor dan Kelantan yang memperkukuh semangat ukhwah melalui seni dan budaya bangsa.

“Persembahan menarik daripada Rombongan Majlis Daerah Pontian, Johor melalui Tarian Zapin Johor ini menjadi simbol silang budaya Jo-



hor–Kelantan yang memperkukuh ukhwah antara dua negeri melalui seni dan budaya warisan bangsa.

“Terima kasih kepada para penari dan warga Majlis Daerah Pontian atas persembahan yang memukau serta kerjasama erat yang ditonjolkan,” katanya.

Bertemakan pakaian klasik tradisional Melayu, karnival tersebut menyerlahkan keunikan warisan budaya apabila rakyat daripada 12 mukim tampil dalam busana klasik melayu yang mencerminkan jati diri bangsa.

Menurut Dato’ Wan Roslan, program berkenaan berperanan sebagai platform memperkukuh per-



paduan, semangat kekeluargaan dan kesukarelawanan dalam komuniti setempat.

“Program ini menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana penuh kekeluargaan dan semangat perpaduan.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, urus setia, penghulu, pemimpin masyarakat dan peserta mukim atas komitmen mereka,” ujarinya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan yang turut serta menjayakan pameran sempena karnival tersebut termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Antida-

dah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Tabung Haji, Pejabat Agama Jajahan Tumpat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang karnival antaranya pertandingan khemah UDM tercantik, pameran agensi, sukaneka, perlumbaan motosikal klasik perlahan, sukan tarik tali, serta persembahan muay thai, tempur silat dan dikir barat, menjadikan suasana padang meriah dan penuh warna-warni.

Enam sekolah YIK raih pingat di Karnival STEM Kebangsaan 2025

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 19 Oktober 2025 – Enam sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) meraih pingat di Karnival STEM Kebangsaan 2025 yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 13 hingga 14 Oktober 2025.

Sehubungan itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menyampaikan ucapan tahniah kepada YIK dan para pelajar terbabit atas kejayaan itu.

Menurutnya, kejayaan itu amat cemerlang dengan rekod penyertaan 39 sekolah menengah dari seluruh negara.

Beliau menyifatkan karnival tersebut menjadi ruang kepada pelajar memperlihatkan kebolehan mereka menghasilkan produk inovatif berasaskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik



(STEM).

“Syabas dan tahniah kepada Yayasan Islam Kelantan atas kejayaan sekolah-sekolah di bawah pengelolaan ini,” katanya melalui satu hantaran di media sosial, pada Khamis.

Antara sekolah yang meraih pingat emas ialah Maahad Sains Tok Guru dengan projek TNC Acne Serum (Kategori Menengah Sains) dan Maahad Muhammadi Gua Musang dengan projek Vape

Detector (Kategori Menengah Teknologi).

Bagi pingat perak, SMUA Al Kauthar SABK merangkulnya melalui inovasi Tong Sampah Automatik manakala SMU (A) Diniyah, Kg Bongor (Rainergy Roof System) dan SMUA Sullamiah Bunut Payong (Safety Locker).

Sementara itu, Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat membawa pulang pingat gangsa melalui projek Ampaian Automa-



tik (Kategori Menengah Teknologi).

Menurut laman rasmi YIK, kejayaan itu membuktikan bahawa sekolah-sekolah YIK bukan sahaja menekankan pendidikan agama dan sahsiah, malah turut memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran abad ke-21 seperti inovasi, kreativiti dan pemikiran kritikal, seterusnya menjadi inspirasi kepada pelajar lain dalam bidang STEM.

Pelajar tahfiz cipta ‘Sky Hanger’ atasi masalah jemuran pada musim hujan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 19 Oktober 2025 – Sekumpulan pelajar dari Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin, Tumpat berjaya mencipta inovasi ‘Sky Hanger’, iaitu alat penyidai pakaian pintar yang direka bagi mengatasi masalah mengeringkan pakaian pada musim hujan.

Alat tersebut berfungsi mengal-

ihkan pakaian secara automatik ke kawasan teduh apabila hujan turun atau pada waktu malam.

Menurut salah seorang ahli kumpulan Adam Amsyar Abdullah, 14, idea berkenaan tercetus selepas melihat ramai pengguna menghadapi kesukaran mengangkat pakaian ketika tiada di rumah.

“Fungsi alat ini ialah untuk

mengalihkan pakaian secara automatik ke tempat yang terlindung ketika hujan atau malam hari.

“Kos untuk menghasilkan replika ini juga sangat rendah, iaitu kurang daripada RM50,” katanya.

Inovasi berkenaan berjaya meraih pingat gangsa sempena Pertandingan Karnival Penyelidi-



kan dan Inovasi (CRI 2025) serta Karnival STEM Kebangsaan (STEM 2025) yang diadakan bersempena Festival Idea@Kelantan 2025 Peringkat Negeri Kelantan pada 13 hingga 14 Oktober lalu.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menzahirkan ucapan tahniah kepada pasukan terbabit atas kejayaan mereka.

“Tahniah kepada pelajar Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin, Tumpat atas kejayaan mencipta inovasi ‘Sky Hanger’ yang mudah mengeringkan pakaian pada musim hujan dan berjaya memperoleh pingat gangsa dalam dua karnival inovasi berprestij ini,” katanya menerusi laman sosial, pada Khamis.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan tersebut membuktikan pelajar tahfiz berpotensi cemerlang dalam bidang STEM, sekali gus melahirkan generasi seimbang antara ilmu agama dan kemahiran moden.

1,136 anjing divaksin dan dilesenkan di Kelantan setakat Oktober 2025

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Sebanyak 1,136 ekor anjing telah divaksin dan dilesenkan di semua 10 jajahan di Kelantan setakat Oktober tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata langkah tersebut adalah sebahagian daripada tindakan pencegahan awal di bawah Akta Binatang 1953 melalui pewartaan Perintah Pemvaksinan Penyakit Anjing Gila (Negeri Kelantan) 2025, yang menetapkan hanya anjing yang menerima suntikan vaksin anti Rabies sahaja boleh dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

“Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pemilik anjing yang telah divaksin untuk mendaftar dan melesenkan haiwan peliharaan mereka di bawah Undang-Undang Kecil PBT,” katanya menerusi media sosial pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa sebanyak 25 kes gigitan haiwan telah dilaporkan



kan oleh Pejabat Kesihatan Daerah, membabitkan 17 ekor anjing bertuan, tujuh anjing tidak bertuan, manakala satu kes lagi melibatkan gigitan kucing.

“Kesemua kes telah disiasat dan tindakan sewajarnya telah diambil,” ujarnya.

YB Hilmi sebelum itu merasmikan Sambutan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan 2025 yang berlangsung di Mydin Mall Tunjong, sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran awam mengenai penyakit Rabies, serta kaedah pencegahan, rawatan dan kawalannya.

Tambahnya, Rabies yang juga

dikenali sebagai penyakit anjing gila merupakan penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin secara berjadual terhadap haiwan peliharaan.

“Pengetahuan masyarakat untuk bertindak pantas apabila terkena gigitan haiwan berisiko seperti anjing mampu menyelamatkan nyawa.

“90 peratus pesakit gagal diselamatkan apabila virus Rabies menyerang sistem saraf, menyebabkan kekejangan otot dan kerdangan otak. Sehingga kini, masih tiada rawatan khusus bagi penyakit ini,” katanya.

Beliau turut menyeru agar PBT



di seluruh negeri terus memainkan peranan proaktif dalam aspek penkuatkuasaan, termasuk mengambil tindakan tegas terhadap pemilik yang masih gagal melesenkan anjing peliharaan mereka.

“Ini kerana faktor kedudukan sempadan Malaysia-Thailand yang merentasi hampir 80 kilometer di Kelantan memungkinkan pencerobohan anjing liar yang berpotensi membawa virus Rabies dari negara jiran pada bila-bila masa,” jelasnya.

Hadir sama dalam perasmian tersebut ialah Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Dr. Yahasmida Yaacob.

Masyarakat India disantuni sempena Deepavali



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 21 Oktober 2025 – Sempena sambutan Deepavali pada tahun ini, Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah bersama rombongan

gannya dan Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawawi telah mengadakan kunjungan mesra ke kediaman masyarakat India selama tiga hari berturut-turut.

Rombongan tersebut menziarahi penduduk meliputi empat lokali-

ti iaitu Kampung Padang Rokma, Kampung Padang Lati, Kampung Kok Seraya dan Kampung Kulim.

Dalam kunjungan tersebut, turut disampaikan sumbangan kepada keluarga yang diziarahi sebagai

tanda keprihatinan dan semangat kebersamaan sempena perayaan Deepavali 2025.

YB Mohd Rusli turut beramah mesra dengan penduduk setempat, mengenali lebih dekat ahli keluarga masyarakat India serta mendalami keunikan budaya dan juadah tradisi yang disajikan sempena sambutan perayaan tersebut.

Beliau berharap sambutan perayaan itu memberi kegembiraan kepada masyarakat India di DUN Wakaf Bharu dan mengeratkan perpaduan kaum di Kelantan.

“Selamat menyambut Deepavali 2025 kepada seluruh masyarakat India. Semoga perayaan ini membawa kebahagiaan, mengukuhkan lagi perpaduan kaum dan mengekalkan keharmonian di Kelantan,” katanya melalui media rasmi beliau pada Ahad.

“Inisiatif ini mencerminkan semangat perpaduan dan keakraban antara pemimpin serta rakyat. Ia selaras dengan usaha kerajaan negeri untuk memperkukuh hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat majmuk,” ujarnya.

Penularan influenza meningkat, perlu tindakan segera – YB Senator Dr. Wan Martina



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Oktober — Penularan wabak influenza yang semakin meningkat di seluruh negara tidak boleh dipandang remeh dan perlu mendapat perhatian serius dan tindakan segera, kata YB Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff.

Menerusi satu kenyataan media hari ini, beliau menegaskan bahawa peningkatan kes influenza perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak, kerana ia memberi kesan besar terhadap golongan berisiko seperti kanak-kanak, warga emas, wanita hamil dan individu yang

menghidap penyakit kronik seperti diabetes, asma dan penyakit jantung.

Menurut beliau, data terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan kadar konsultasi pesakit bagi sindrom seperti influenza (ILI) dan jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) telah meningkat daripada 7.38 peratus kepada 9.22 peratus antara Minggu Epidemiologi (ME) ke-40 dan ke-41 tahun ini.

Sehingga ME ke-41, lebih 530 kluster influenza telah direkodkan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, katanya, institusi sekolah mencatatkan bilangan tertinggi dengan 352 kluster, bersamaan dengan 65.8 peratus daripada keseluruhan kluster.

“Peningkatan ketara juga dicatatkan dalam tempoh singkat, apabila jumlah kluster di sekolah melonjak daripada hanya 8 pada ME ke-39 kepada 202 kluster pada ME ke-41, sebelum menurun kepada 56 kluster pada minggu semasa.

“Walaupun kadar semasa masih sedikit di bawah kemuncak jangkitan tahun 2024 iaitu 9.55 peratus, penularan masih berlaku secara aktif dan memerlukan pemantauan rapi,” jelasnya dalam kenyataan tersebut.

Beliau turut menekankan bahawa influenza bukan sekadar “demam biasa”, sebaliknya jangkitan virus pernafasan yang boleh merebak dengan mudah melalui titisan udara, batuk atau bersin. Keadaan cuaca yang tidak menentu dan peningkatan aktiviti sosial serta persekolahan juga menyumbang kepada peningkatan risiko penularan.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua pihak untuk segera mendapatkan rawatan jika mengalami gejala seperti demam tinggi, batuk, sakit tekak dan keletihan melampau.

“Selain itu amalkan langkah pencegahan asas seperti menutup mulut ketika bersin, mencuci tangan secara kerap, memakai pelitup

muka di tempat awam, dan mengelakkan tempat sesak jika bergejala,” katanya.

Beliau turut menyeru agar institusi pendidikan dan tempat kerja hendaklah memastikan premis sentiasa bersih dan terjaga serta memantau kesihatan pelajar serta pekerja.

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)pula hendaklah terus memperhebat kempen kesedaran awam serta memantau penularan dengan teliti agar tidak menjadi wabak besar.

Beliau turut menggalakkan pengambilan vaksin influenza tahunan, khususnya bagi kumpulan berisiko tinggi, sebagai langkah perlindungan diri yang berkesan dan terbukti selamat.

“Kesihatan awam adalah tanggungjawab bersama. Dengan disiplin, kepekaan dan kerjasama semua pihak, kita mampu membendung penularan wabak ini serta melindungi kesejahteraan rakyat,” tegasnya.

482 penerima di DUN Ayer Lanas terima sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Oktober — Sebanyak 482 penerima di Dewan Negeri (DUN) Ayer Lanas menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan menerusi program Hari Kelantanku Cakna 2025 yang berlangsung di Dewan PURNAMA, Ayer Lanas, Jeli pada Isnin.

Program kebajikan yang bertujuan membantu golongan memerlukan itu melibatkan beberapa skim utama, antaranya Skim Adhoc Armalah (Ibu Tunggal) Fasa 2 melibatkan 300 penerima, Skim Armalah Fasa 1 dengan 52 penerima, Skim Pendidikan Yatim 100 penerima, dan Skim Makruf OKU 30 penerima.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Ayer Lanas YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, pelaksanaan program tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela.

“Program seperti ini membuktikan bahawa kerajaan negeri sentiasa mengambil berat nasib rakyat, se-



laras dengan semangat Membangun Bersama Islam yang mengutamakan kebajikan, kasih sayang dan keadilan sosial kepada rakyat,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Program berkenaan turut mendapat sambutan hangat daripada penduduk setempat yang menyambut baik usaha kerajaan negeri dalam membantu golongan sasar seperti ibu tunggal, anak yatim dan orang kurang upaya. Untuk rekod, Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai skim kebajikan bagi memperkasakan kesejahteraan rakyat.

Antaranya, Skim Khairat Kifaa-



lah iaitu bantuan untuk warga emas rakyat Kelantan berumur 55 tahun dan ke atas manakala Skim Cakna Suri pula ialah sumbangan tunai sekali beri kepada suri rumah sepenuh masa yang berumur 54 tahun ke bawah, rakyat Kelantan, mempunyai sekurang-kurangnya dua anak tanggungan dan pendapatan isi rumah RM2,000 ke bawah.

Seterusnya, Skim Bantuan Gerbang Az-Ziwaaj ialah bantuan perkahwinan sebanyak RM1,000 kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, tertakluk kepada syarat kelayakan.

Bantuan Armalah dan OKU juga

disalurkan melalui pelan komprehensif dengan pelantikan penyelarass khas di peringkat DUN dan Parlimen. Sementara Bantuan Penarik Beca dinaikkan kepada RM500 sebulan bermula Januari 2025 sebagai menghargai jasa mereka. Tidak terkecuali Bantuan Sakit Kronik disumbangkan secara sekali beri kepada individu yang menghidap penyakit kronik. Di samping Bantuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) buat pengusaha perniagaan kecil, serta sumbangan tunai dan simpanan bank melalui Skim Cakna Aulad kepada ibu bapa yang mempunyai bayi baru lahir.

14 wakil parlimen serlah bakat di Pentas Pidato Mek Kelate

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 22 Oktober 2025 – Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV hari ini menjadi saksi kehebatan suara dan hujah wanita Kelantan apabila seramai 14 peserta mewakili setiap parlimen negeri ini menyertai Program Pentas Khas Wanita, Pidato Mek Kelate sempena Sambutan 35 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Ustazah Nor Asilah Mohamed Zin berkata program itu bertepatan dengan sunnah besar Rasulullah SAW yang menjadikan dakwah sebagai asas perjuangan hingga ke Madinah.

“Pentas Pidato Mek Kelate ini bukan sekadar persembahan, tetapi satu medan latihan untuk memperkukuhkan dakwah serta membiasakan wanita Kelantan tampil yakin di khalayak ramai,” katanya ketika merasmikan pentas tersebut.



but.

Beliau turut menzahirkan rasa bangga terhadap penyertaan wanita dari seluruh negeri yang bukan sahaja berani berpidato, tetapi juga memahami isu semasa serta mampu mengupas dasar dan hala tuju negeri.

“Saya berharap para pemidato ini dapat menjadi suara kepada rakyat dalam menerangkan Dasar Membangun Bersama Islam, yang telah digerakkan sejak 35 tahun yang lalu,” ujarnya lagi.

Menurutnya, wanita Kelantan perlu mahir dalam pelbagai bidang, bukan sahaja di dapur, tetapi juga mampu berdiri di pentas sebagai pemidato berwibawa yang menyampaikan mesej Islam dan kebenaran dengan penuh hikmah.

“Kita mahu melahirkan wanita yang hebat dari dapur hingga ke pentas pidato,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeK-

Wa) selaku penganjur utama program tersebut atas usaha murni memupuk keyakinan dan potensi wanita negeri ini.

Semua peserta menerima sijil penghargaan, wang tunai dan cenderahati, manakala Pemidato Terbaik Pentas Pidato Mek Kelate 2025 disandang oleh saudari Siti Aminah Rasdi dari Parlimen Machang yang membawa tajuk pidato, Ketua Muslimah Kampung – Dari Dapur ke Pentas Perjuangan.

JAHEAIK perketat pengawasan pondok tidak berdaftar di Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 22 Oktober – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) kini giat memperketatkan pengawasan terhadap institusi pondok yang dikenal pasti tidak berdaftar bagi memastikan tidak berlaku sebarang pelanggaran undang-undang dan syariat Islam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, tindakan tersebut

penting bagi memastikan kawalan menyeluruh ke atas semua institusi pengajian Islam di negeri ini dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.

“JAHEAIK sedang meneliti dan mengumpul data terkini berkaitan jumlah pelajar dan guru pondok. Pada masa ini, terdapat 50 buah pondok berdaftar di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), dengan hampir 4,000 pelajar,” katanya kepada media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota

Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, pihak kerajaan negeri melalui JAHEAIK merancang untuk memperkemas kaedah pendaftaran serta pengawalan institusi pengajian Islam di bawah Enakmen MAIK bagi tahun 2025 dan seterusnya.

“Ini bagi mengelakkan timbulnya isu-isu yang melanggar syariat dan undang-undang di institusi pengajian Islam, termasuk di pondok-pondok,” katanya.

Untuk rekod, terdapat 145 institusi pengajian Islam yang berdaftar dengan MAIK setakat ini.

Daripada jumlah itu, 50 daripadanya ialah pondok, manakala selebihnya terdiri daripada pusat tahfiz, sekolah rendah Islam dan sekolah menengah Islam.

YB Mohd Asri turut menyeru agar semua madrasah baharu yang beroperasi atas nama institusi pengajian Islam mendaftar secara rasmi dengan MAIK bagi memudahkan pemantauan menyeluruh.

“Apabila ada pelajar, institusi itu perlu didaftarkan bagi tujuan kawalan, bukan sekadar dari aspek pengajian tetapi juga pemakanan, kesihatan dan keselamatan,” katanya.

Mengenai dakwaan berlaku kegiatan penggubahan wang haram di pondok-pondok, beliau menjelaskan bahawa JAHEAIK setakat ini tidak menerima sebarang maklumat atau aduan berkaitan perkara tersebut.

“Setakat ini, tidak ada aduan yang melibatkan penggubahan wang haram, khususnya di pondok yang sampai kepada pihak JAHEAIK. Aduan yang diterima JAHEAIK setakat ini lebih kepada kebimbangan terhadap ajaran yang mungkin menyeleweng.

“Sekiranya berlaku sebarang isu berkaitan penggubahan wang haram di pondok-pondok, perkara ini akan disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM),” tambahnya.



JAHEAIK perketat pengawasan pondok tidak berdaftar di Kelantan

Kerajaan negeri sokong pembangunan sukan BMX dan bakat belia Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus menunjukkan sokongan dan komitmen dalam memperkasa sukan ekstrem di Kelantan apabila menerima kunjungan hormat daripada wakil Kelab BMX Kelantan di pejabat rasmi Exco Belia dan Sukan pada Selasa.

Pertemuan tersebut menjadi platform perbincangan konstruktif mengenai hala tuju sukan BMX di negeri ini, termasuk potensi kerjasama antara kerajaan negeri dan komuniti BMX dalam memperkukuh penyertaan belia dalam sukan lasak.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menzahirkan penghargaan terhadap semangat serta kesungguhan anak muda Kelantan yang aktif menyertai sukan ekstrem dan mengharumkan nama negeri.



“Saya amat menghargai semangat dan kesungguhan anak muda kita yang terus aktif mengangkat nama Kelantan melalui sukan lasak ini.

“Insya-Allah, Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Belia dan Sukan akan terus memberi perhatian dan sokongan kepada mana-mana inisiatif yang mampu membina potensi serta gaya hidup sihat dalam kalangan belia negeri Kelantan,” katanya menerusi media sosial pada Selasa.

Beliau turut menegaskan bahawa kerajaan negeri sentiasa terbuka menerima sebarang cadangan dan inisiatif yang berupaya memperkasa pembangunan belia, khususnya dalam bidang sukan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi muda.

YB Zamakhshari turut menerima kunjungan atlet berkuda Nur Elisya Qistina Mohamad Farid, 15, yang mewakili Malaysia ke temasya Sukan Remaja Asia (ASEAN Youth Games) 2025 yang berlangsung di



Bahrain, Khamis lepas.

Beliau merakamkan ucapan tahniah kepada Elisya atas pencapaiannya dan menghargai semua pihak yang memberi sokongan terhadap perkembangan bakat muda tersebut.

“Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited memberi perhatian kepada pembangunan bakat anak muda tidak kira dari mana mereka datang, asalkan ada semangat dan keinginan untuk berjaya,” tambahnya.

Busana nelayan warnai Karnival Cakna Rakyat DUN Selising



Oleh: Syamimi Manah

PASIR PUTEH, 21 Oktober 2025 – Karnival Cakna Rakyat DUN Selising mencuri tumpuan apabila para pengunjung tampil mengenakan pakaian bertema nelayan, menjadikan suasana di Dataran Al-Barakah, Tepi Sungai Tasek Pauh pada Isnin, seolah-olah sebuah perkampungan nelayan tradisional.

Karnival yang berlangsung dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu menyaksikan pelbagai lapisan masyarakat hadir dengan busana berinspirasi kehidupan masyarakat di perairan Kelantan.

Pengunjung lengkap dengan terendak, kain batik lepas, kain semutar, seluar panjang lasak serta kasut getah yang sinonim dengan aktiviti air.

Lebih menarik, ada yang turut



membawa alatan seperti pukat, sauh, bakul anyaman dan jaring ikan, menambah warna kepada suasana mesra rakyat di tepi sungai tersebut.

Menurut Ahli Dewan Negeri (ADN) Selising, YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, tema pakaian nelayan dipilih bagi mencerminkan identiti masyarakat Selising yang hidup rapat dengan sungai dan laut.

“Pendekatan ini memberi kelainan kepada penganjuran Karnival Cakna Rakyat dan dalam masa yang sama menghidupkan semangat kebersamaan yang menjadi nadi kehidupan komuniti pesisir,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau berkata, karnival anjuran Pejabat Timbalan Menteri Besar Kelantan dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN Selising itu bukan sahaja menjadi wadah mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakyat, malah memperkukuh semangat cakna terhadap kesejahteraan komuniti setempat.

Antara aktiviti yang turut memeriahkan karnival ialah persembahan kanak-kanak, pertandingan pidato, acara nelayan sungai, khemah berhias, pemeriksaan kesihatan serta pameran oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta.